



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPj PPj/JK/SH(S)/3/2026

Tajuk Sebut Harga:

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KENDERAAN PERBADANAN  
PUTRAJAYA BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja, di bawah **Kod Bidang 220104 (Perkhidmtan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan – Kenderaan Bawah 3 Tan)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **12 MEI 2026 (SELASA), JAM 11.00 PAGI** di **Panggung Mawar Sari, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat** atau **individu yang diberi kuasa** oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan seperti di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **12 MEI 2026 (SELASA)** hingga **19 MEI 2026 (SELASA)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja di **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**. Bayaran tanpa tunai berjumlah **RM50.00** boleh dilaksanakan menggunakan Kad Debit, Kad Kredit, JomPAY, e-Wallet dan Perbankan Internet.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang diberi kuasa seperti penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF berserta **satu (1) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti di Perenggan 3, sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **22 MEI 2026 (JUMAAT)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Jabatan Kewangan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my>, portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>, dan portal JPM <https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga>

  
(HAJI NIK SHUKRI BIN NIK SOH)

Naib Presiden  
Jabatan Perkhidmatan Bandar  
Perbadanan Putrajaya